

24/10/1998

Prestasi MPK terus unggul

Zaharah Manan

MAJLIS Perbandaran Kuantan (MPK) boleh dikatakan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang paling berjaya di negara ini kerana menerima pelbagai pengiktirafan.

Sehingga kini, MPK menerima lebih 30 anugerah sumbangan pelbagai pertubuhan dari dalam dan luar negara.

Antaranya, memenangi pingat perak dalam pertandingan Konrad Adenauer Local Government Awards atau Kalga, di Manila, pada 3 April lalu dan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1990.

Pada tahun lalu, MPK menjadi PBT pertama di negara ini menerima ISO 9001, iaitu satu piawaian sistem kualiti antarabangsa bagi mengukur produk atau perkhidmatan dalam mana-mana bidang.

MPK memilih ISO 9001 kerana paling menyeluruh berdasarkan 20 elemen sistem kualiti bermula dengan Tanggungjawab Pengurusan hingga Teknik-Teknik Statistik.

Ini selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu kementerian dan jabatan berusaha mendapatkan pengiktirafan itu bagi menjadikan pentadbiran negara ini menepati piawai antarabangsa.

Anugerah lain yang MPK menangi ialah Bandar Pelancongan Terbaik (1989 dan 1990), Program Bersih dan Indah (1991 dan 1994), Inovasi Perkhidmatan Awam Tajuk 'Kupon Letak Kereta Bermusim' (1992), Pengurusan Tandas Awam Terbaik (1992), Inovasi Seramik/Penanda Letak Kereta (1995).

Menurut Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Saib, Kalga diadakan untuk menentukan pengurusan terbaik pada tahap PBT di rantau ini.

Beliau berkata, selain MPK yang mewakili Malaysia, negara yang turut mengambil bahagian ialah Korea, Thailand, Indonesia, Vietnam dan Filipina. Selain pingat perak, MPK diberi peluang melawat Jerman Jun lalu.

Katanya, Kalga yang dimenangi Bandar Raya Industri, Kumi dari Korea adalah daripada kegiatan dalam program Network For Better Local Governments For East Asia yang Malaysia menjadi ahlinya.

Beliau berkata, MPK juga memperolehi pengiktirafan dunia apabila dipelawa Asian Development Bank (ADB) berpusat di Manila, menyertai program menetapkan taraf kerja tertentu bagi institusi kerajaan seluruh Asia.

"MPK bersetuju membantu ADB menetapkan taraf terbaik bagi digunakan oleh semua pihak berkuasa tempatan di Asia.

"Contohnya, MPK mempunyai perkhidmatan kaunter terbaik. Oleh itu, cara MPK dipelawa sertai program ADB itu akan diserapkan dalam program bersama ADB dan digunakan di Asia.

"Pelawaan untuk menyertai program secara berterusan itu adalah satu pengiktirafan Asia dan dunia kepada Pahang, khusus MPK dan Kuantan," katanya.

Melalui semua anugerah itu, kata Mohamad, MPK tidak boleh berbangga kerana bukan senang untuk mengekalkan pengiktirafan itu, malah terpaksa bekerja keras sepanjang masa.

Beliau berkata, kakitangannya memahami tanggungjawab masing-masing bagi memastikan MPK terus unggul.

"Oleh itu, kebersihan dan keindahan bandar Kuantan sentiasa diutamakan, termasuk taman perumahan dan pesisiran pantai seperti Telok Chempedak, Batu Hitam dan Balok," katanya.

Bagi menambah keindahan itu, MPK menanam pelbagai jenis pokok bunga dan penebih serta merangka lanskap yang menarik.

Disebabkan bimbang dengan mutu perkhidmatannya, MPK belum mencapai kata sepakat berhubung cadangan Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) yang bertanggungjawab mengambil alih pengurusan sisa pepejal di Pahang.

Untuk itu, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob mengingatkan Alam Flora supaya mempertahankan perkhidmatan yang diberikan PBT.

Beliau berkata, Alam Flora mempunyai tempoh percubaan setahun mulai 1 Oktober lalu.

Menurutnya, sebarang kelemahan yang didapati berlaku dalam pelaksanaan juga boleh diatasi bagi meningkatkan perkhidmatan.

"Selepas tempoh itu, diharapkan Alam Flora menjadi biasa dengan segala tanggungjawab dan etika kerja yang diamalkan PBT.

"Apatah lagi, PBT itu memang terkenal dengan fungsinya dalam mengawasi kebersihan bandar seperti MPK yang banyak memenangi hadiah dari dalam dan luar negara berkaitan penjagaan kebersihan dan keindahan persekitaran perbandaran," katanya.

Ini sudah pasti menjadi cabaran besar kepada Alam Flora bagi mengekalkan tahap kebersihan atau mempertingkatkan.

"Usaha terbabit boleh dipelajari dalam tempoh percubaan supaya pada akhir tempoh percubaan apabila syarikat itu mula mengenakan caj pembayaran secara terus kepada penduduk, perkhidmatannya sudah boleh dikira sebagai yang terbaik," jelasnya.

Beliau berkata, syarat tempoh percubaan adalah ciri baik digunakan kepada program perkhidmatan perbandaran yang diswastakan seperti dalam pengurusan sisa pepejal.

Ciri itu diperkenalkan sesudah melihat pelbagai masalah berikutan program pengambilalihan perkhidmatan perbandaran lain sebelum ini.

(END)